

U B702 AAB
MAHATHIR - ISLAM

BUTTERWORTH, 1 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN TIDAK PERNAH BERNIAT UNTUK MEMAKSA SESIAPAPUN MEMELUK AGAMA ISLAM.

MEREKA YANG MEMELUK AGAMA ISLAM BERBUAT DEMIKIAN SECARA SUKARELA, KATANYA.

SESIAPAPUN TIDAK HARUS TAKUT KEPADA KERAJAAN YANG MEMERINTAH, KERANA KERAJAAN TIDAK PERNAH MENINDAS SESIAPAPUN, KATA PERDANA MENTERI.

+SELAMA 32 TAHUN MEMERINTAH NEGARA INI, KERAJAAN TIDAK PERNAH MEMAKSA MEREKA YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM MEMELUK ISLAM,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN MASJID JAMEK PONGSU SERIBU, KEPALA BATAS, DEKAT SINI, HARI INI.

BELIAU BERKATA PENDUDUK NEGARA INI BEBAS BERAGAMA DAN KERAJAAN SENTIASA BERSIKAP TOLERAN DALAM HAL INI, TIDAK SEPERTI DI SESETENGAH NEGARA LAIN.

SIKAP TOLERAN INI MEMBERI MAKNA YANG BESAR KEPADA NEGARA DAN IA AKAN DIKEKALKAN KERANA MELALUINYA TELAH MEMBUKTIKAN NEGARA DAPAT DIPERINTAH DENGAN AMAN, KATA BELIAU. -- LAGI

1740MST 01 12 89

D081

U B705 AAB
MAHATHIR - ISLAM 2 BUTTERWORTH

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA KERAJAAN INGIN MEMAKSA KAUM LAIN MEMELUK AGAMA ISLAM, PERKARA ITU SUDAH LAMA DILAKUKANNYA, TETAPI REKOD NEGARA MENUNJUKKAN KERAJAAN TIDAK PERNAH MEMAKSA SESIAPAPUN.

BELIAU BERKATA RAKYAT NEGARA INI DAPAT HIDUP DENGAN AMAN KERANA KERAJAAN TIDAK PERNAH TAMAK DAN MENYALAHGUNAKAN KUASA.

ADA NEGARA YANG LEBIH RAMAI PENDUDUK BERAGAMA ISLAM TETAPI KEDUDUKAN MEREKA TIDAK TERJAMIN, MALAHAN DIPISAHKAN DARIPADA SEGI AJARAN ISLAM SEPERTI NEGERI-NEGERI DI SELATAN RUSIA, KATANYA.

+WALAU PUN KEDUDUKAN ORANG ISLAM DI NEGARA INI ADALAH BAIK, IA TIDAK MENYALAHGUNAKAN KUASA UNTUK MENINDAS AGAMA DAN KAUM LAIN, KERANA ISLAM ADALAH AGAMA YANG TOLERAN,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

MENGENAI MASJID, BELIAU BERKATA IA SEHARUSNYA DIGUNAKAN BUKAN SAHAJA UNTUK AMAL IBADAT TETAPI JUGA SEBAGAI TEMPAT BERKUMPUL OLEH MASYARAKAT UNTUK BERBINCANG DAN MENYELESAIKAN MASALAH AGAR PENDUDUK ISLAM LEBIH BERSATU PADU.

-- LAGI

1758MST 01 12 89

D082

U B706 AAB
MAHATHIR - ISLAM 3 BUTTERWORTH

BELIAU BERKATA UNSUR-UNSUR YANG BOLEH MENYEBABKAN PERPECAHAN MASYARAKAT TIDAK HARUS DIBAWA KE DALAM MASJID MANAKALA PENYEBARAN AJARAN ISLAM HENDAKLAH DIJALANKAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

YANG TURUT HADIR PADA PERASMIAN MASJID JAMEK BERHARGA LEBIH \$260,000 ITU IALAH MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM, DAN TIMBALAN MENTERI KESIHATAN, SENATOR MOHD FARID ARIFFIN. -- BERNAMA
1759MST 01 12 89